

13/03/1999

Peguam tidak panggil PM

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Peguam bela Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini, pihak pembelaan tidak akan memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dua lagi menteri Kabinet sebagai saksi mereka.

Raja Aziz Addruse, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar berkata, pembelaan juga tidak bercadang memanggil bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Dua menteri yang tidak dipanggil itu adalah Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Raja Aziz berkata, Dr Mahathir membayangkan beliau tidak bersedia memberikan kenyataan bertandatangan kecuali beliau tahu terlebih dulu soalan yang pembela ingin tanyakan dan topik-topik keterangan yang akan diambil.

"Kami sudah menghantar satu senarai soalan. Setiausaha peribadinya membayangkan beliau (Dr Mahathir) tidak akan memberikan kami kenyataan yang bertandatangan," katanya.

Menurutnya, tanpa kenyataan bertandatangan itu mereka tidak mungkin akan memanggil Dr Mahathir kerana tidak mengetahui keterangan yang akan diperolehi daripada beliau.

Hakim Datuk S Augustine Paul berkata: "Saya rasa beliau (Dr Mahathir) betul. Mana-mana saksi tidak diwajibkan untuk memberi kenyataan yang bertandatangan."

Katanya, adalah menjadi hak saksi dari segi undang-undang sama ada mahu memberikan kenyataan bertandatangan.

Raja Aziz juga memberitahu mahkamah bahawa mereka sudah menemuduga Megat Junid dan mendapati "beliau tidak mempunyai apa-apa yang boleh menyumbang kepada perbicaraan itu kerana perintah Yang Arif mengenai konspirasi politik." Peguam itu tidak memberitahu mahkamah kenapa Daim dan Abdul Rahim tidak akan dipanggil.

Bagaimanapun, ketika ditemui di luar mahkamah, Raja Aziz memberitahu pemberita bahawa mereka tidak akan memanggil Daim atas alasan yang sama seperti Megat Junid, sementara Abdul Rahim enggan memberikan kenyataan yang bertandatangan.

Pada 13 Januari lalu, pembela memberitahu mahkamah bahawa mereka bercadang memanggil Dr Mahathir dan dua menteri Kabinet bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, sebagai saksi mereka.

Saksi-saksi lain yang mereka bercadang akan dipanggil ialah Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin; bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Datuk Ismail Che Ros dan Abdul Khalid alias Khalid Jafri Bakar Shah (penulis buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM").

Sebelum itu, Paul membenarkan permohonan pembelaan untuk memanggil semula tiga saksi pendakwa.

Mereka adalah saksi pertama pendakwa Datuk Mohd Said Awang (bekas pengarah Cawangan khas); saksi ke-11, Datuk Amir Junus (bekas timbalan pengarah Cawangan Khas) dan Senior Asisten Komisioner 1 Musa Hassan (pegawai penyiasat).

Peguam bela Gurbachan Singh memberitahu mahkamah bahawa mereka mahu memanggil semula Mohd Said untuk menyoal beliau mengenai keterangan Bekas

Setiausaha Sulit Anwar, Mohamed Azmin Ali berhubung perbualan mereka mengenai apa yang didakwa satu laporan kedua.

Pembela mendakwa ada satu laporan kedua bertarikh 3 September 1997 yang dihantar kepada Perdana Menteri mengandungi nama personaliti tertentu yang terbabit dalam konspirasi politik untuk menjatuhkan Anwar.

Gurbachan berkata, pembela ingin memanggil Amir semula bagi tujuan menanyakan beliau perbualannya dengan bekas pegawai pengiring Anwar, Asisten Superintenden Zull Aznam Haron pada 18 Ogos 1997.

Katanya, Amir juga akan ditanya mengenai dakwaan Mohamed Azmin berhubung permintaan Amir mendapatkan bantuan bekas setiausaha sulit itu untuk memastikan Anwar merasmikan Heartscan Centre yang sebelum ini adalah perkara yang ada di luar pengetahuan pembelaan.

Menurutnya, mereka ingin memanggil Musa untuk memintanya mengemukakan afidavitnya pada 2 September 1998 yang difailkan di Mahkamah Tinggi berhubung kes Datuk S Nallakaruppan.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail membantah permohonan itu dengan alasan Musa sudah ditanya mengenai afidavit itu dan sudah diminta membawa dokumen berkenaan tetapi pembelaan tidak berbuat demikian pada keesokannya.

Abdul Gani berkata, dokumen itu juga tidak mempunyai kaitan dengan tuduhan yang dihadapi Anwar.

Paul yang membenarkan permohonan itu berkata pertanyaan ke atas saksi berkenaan perlu dihadkan kepada apa yang sudah diberitahu kepada mahkamah hari ini. Perbicaraan bersambung Isnin ini.

(END)